

Hab pengeluaran makanan

Kerajaan Negeri sedia 9,000 ekar tanah tanaman, ternakan di Mersing

KAMARUL HALIM M KAMAL

BATU PAHAT – Kerajaan Negeri komited untuk menjadi hab utama pengeluaran makanan di negara ini dengan komitmen pembukaan tanah baru untuk dijadikan kawasan tanaman kontan serta ternakan ruminan.

Daerah Mersing dipilih untuk merealisasikan projek mega itu di tanah seluas 9,000 ekar yang merupakan perlaksanaan yang ketiga selepas Projek Pertanian Moden, Kluang dan Bio Desaru, Kota Tinggi.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Ab Aziz Kaprawi, berkata, dengan pembukaan projek berkenaan, rakyat di negeri ini dijangka dapat menikmati hasil pertanian dengan harga yang berpututan.

Katanya, Johor

Corporation (JCorp) diberi amanah sebagai peneraju, mengendali 30 peratus keluasan tanah berkenaan, selain mempelawa pengusaha yang berpengalaman dan berkelebihmampuan menyertai projek itu.

"Sebanyak 70 peratus daripada keluasan tanah ini akan dibuka kepada rakyat Johor dengan setiap mereka menerima 30 hingga 50 ekar tanah untuk diusahakan, sama ada untuk tanaman atau ternakan."

"Kita galakkan untuk mereka yang menyertai projek ini menanam tanaman yang menjadi keperluan utama seperti nanas, jagung dan juga sayuran, selain menggalakkan ternakan ayam.

"Permohonan untuk menyertai projek ini akan diseilia Jabatan Pertanian, Unit Perancangan Ekonomi Negeri (Upen) Johor dan pihak JCorp," katanya kepada *Sinar*.

Harian selepas merasmikan Program Bakti Siswa (Baksis) Pelajar Seksyen 12, Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah (DPLI), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di Kampung Parit Sempadan, di sini, semalam.

Menurut Ab Aziz, projek itu juga dijangka akan membuka ruang kepada penanaman dan penternakan menggunakan kaedah moden.

"Projek yang dijangka akan bermula pada tahun depan ini akan mewujudkan masyarakat pertanian selain sebagai persediaan menghadapi masalah makanan yang dijangka akan berlaku pada masa akan datang.

"Kita melihat ia berfungsi bukan sekadar pembekal makanan untuk negeri ini malah seluruh negara yang berkemungkinan mendapatkan bekalan makanan kontan dari Johor," katanya.



Ab Aziz (kiri) menanam pokok sebagai simbolik perasmian Program Baksis pelajar UTHM, di Kampung Parit Sempadan.